



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS : SEJARAH SENIBINA**  
**KOD KURSUS : DID1153**  
**PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2016**  
**MASA : 2 JAM 30 MINIT**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:  
BAHAGIAN A (20 Markah)  
BAHAGIAN B (60 Markah)  
BAHAGIAN C (20 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Kertas Jawapan Objektif
  - iii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 12 HALAMAN BER CETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

---



**BAHAGIAN A (20 MARKAH)**

Bahagian ini mengandungi DUA PULUH (20) soalan. Jawab semua soalan dalam borang jawapan objektif yang telah disediakan.

1. Maksud Senibina atau *Architecture* ialah
  - a. Membina tempat perlindungan dan perteduhan
  - b. Mengkaji sejarah senibina lama
  - c. Cara-cara membina sesebuah struktur
  - d. Seni dan Sains merekacipta dan membina bangunan
  
2. Berikut merupakan tujuan asal sesebuah senibina dibina ketika tamadun dahulu, **kecuali**
  - a. Sebagai tempat perlindungan dan berteduh ✓
  - b. Tempat beriadah dan berekreasi ✓
  - c. Senibina kerohanian dan keagamaan ✓
  - d. Makam dan perkuburan ✓
  
3. Romanesque berasal dari perkataan Roman atau Romawi. Romanesque membawa maksud
  - a. Stail seni arca Romawi
  - b. Tamadun lama Romawi
  - c. Zaman klasikal Romawi
  - d. Sesuatu yang bersifat Romawi

4. Manakah **tidak benar** tentang ciri-ciri pembinaan pada zaman Romanesque
- Makam
  - Tingkap-tingkap kecil
  - Menara
  - Tempat sembahyang
5. Pembinaan arca pada zaman Romanesque digunakan sebagai penghias gereja. Berikut adalah tujuan arca dibuat **kecuali**
- Didikan
  - Hiburan
  - Hikayat
  - Pedoman
6. Reka bentuk arca Romanesque kebanyakannya di ambil dari reka bentuk logam halus dan manuskrip. Pilih pernyataan yang **benar** tentang arca pada zaman ini.
- Gangsa digunakan dengan berleluasa
  - Mempunyai corak Arabes
  - Tidak lagi menjadi sebahagian senibina
  - Berfungsi sebagai tugu atau peringatan.
7. Catan Romanesque meneruskan gaya Zaman Pertengahan. Manakah yang berikut **bukan** gaya yang terdapat pada catan-catan Romanesque.
- Carolingian
  - Byzantine
  - Gothic
  - Ottonian

8. Penggunaan relung Romawi telah berkembang ketika zaman Romanesque serta menghasilkan dua (2) teknik relung yang berbeza. Manakah jenis relung yang **benar**?

- i. Relung timbul
- ii. Relung berkembar
- iii. Relung bersilang
- iv. Relung tunggal

- a. i dan iii sahaja
- b. i dan iv sahaja
- c. ii dan iii sahaja
- d. iii sahaja

9. Berikut merupakan ciri-ciri tamadun Byzantin **kecuali**

- a. Sebuah bandaraya yang agung pada zaman Yunani
- b. Budaya, falsafah dan gaya yang bercirikan empayar roman timur
- c. Memperlihatkan kelahiran golongan 'sophist' seperti Plato, Aristotle, dan Socrates
- d. Terletak di antara dua tamadun besar iaitu Islam dan Kristian

10. Binaan kubah di atas Basilica yang menggunakan teknik berbeza telah menjelmakan satu gaya baru seni Byzantin. Berikut merupakan teknik yang digunakan. Manakah yang **benar**?

- i. *Squinch*
- ii. *Barrel Vaults*
- iii. *Fresko*
- iv. *Pendentive*

- a. i dan iii sahaja
- b. i dan iv sahaja
- c. ii dan iii sahaja
- d. iii sahaja

- |  |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"><li>- Penting dan berguna dalam binaan Byzantin</li><li>- Bertemakan agama kristian dan kesucian pemerintah</li><li>- Symbolisme atau perlambangan</li></ul> |
|--|

11. Pernyataan di atas merupakan ciri-ciri yang merujuk kepada bahan penting yang digunakan ketika zaman Byzantin Awal. Apakah bahan yang dimaksudkan?

- a. Batu – bata
- b. Seramik
- c. Tanah liat
- d. Mozek

12. Terdapat pelbagai aliran pemikiran yang wujud ketika tamadun Renaissance. Berikut merupakan fahaman yang wujud ketika zaman ini **kecuali**

- a. Fahaman kemanusiaan
- b. Fahaman klasikal
- c. Fahaman politik
- d. Fahaman modernism

13. Dalam senibina Renaissance, apakah nama teknik catan yang memperlihatkan objek yang jauh lebih kabur berbanding dengan yang dekat?

- a. Teknik aeriell
- b. Teknik linear
- c. Teknik illusi
- d. Teknik fresco

14.

- |  |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"><li>- Digunakan dengan berleluasa terutama arca yang besar</li><li>- Terdapat juga media yang menggunakan teknik ukiran luakan</li></ul> |
|--|

Di atas merupakan penerangan tentang media yang diguna pakai ketika zaman Renaissance. Pilih pilihan yang **BENAR** tentang media yang dipakai ketika zaman ini.

- a. Gangsa, terracotta, kayu dan marmar
- b. Gangsa, tembaga, kayu dan marmar
- c. Perak, terracotta, kayu dan tanah liat
- d. Perak, terracotta, batu dan marmar

15. Ketika zaman Renaissance, terdapat satu istilah yang digunakan dalam seni reka arca. Istilah ini digunakan untuk menunjukkan pergerakan yang berkaitan mengambil kiraimbangan tubuh badan. Nyatakan istilah tersebut.

- a. Kompessor
- b. Kontradiksi
- c. Kontraposto
- d. Konduktor

16. Ciri-ciri senibina Cina adalah pembinaan podium atau lantai daripada tanah yang membayangkan sifat ?

- a. kekayaan
- b. rendah diri
- c. kecantikan
- d. keagamaan

17. Tujuan utama binaan ini dibina adalah sebagai tugu peringatan kepada seseorang terkenal atau ternama. Penyataan di atas merujuk kepada binaan

- a. pai lou
- b. jambatan
- c. pagoda
- d. istana



18. Bumbung merupakan salah satu elemen penting dalam senibina Cina. Manakah antara berikut **BUKAN** ciri-ciri bumbung dalam senibina Cina?

- i. Mempunyai atap genting berwarna dan berbentuk 'S' ✗
- ii. Disusun bertingkat-tingkat melambangkan darjat ✓
- iii. Terdapat sejenis ruang yang dikenali sebagai mastaba
- iv. Mempunyai ukiran dan hiasan menarik

- a. i dan iii sahaja
- b. i dan iv sahaja
- c. ii dan iii sahaja
- d. iii sahaja

19.

- Tempat kediaman rasmi yang dibina secara berasingan.
- Mempunyai Pavilion setingkat berbentuk seperti tempat penyembahan bermahkotakan bumbung

Penyataan di atas merupakan salah satu binaan dalam senibina Cina. Penyataan tersebut merujuk kepada binaan

- a. pai lou
- b. tokong
- c. pagoda
- d. istana

20. Bumbung adalah unsur terpenting ditegakkan oleh tiang bebas dari dinding. Bahan binaan utama untuk struktur bumbung ialah kayu. Apakah bentuk kayu tersebut?

- a. Segi empat dan berwarna gelap
- b. Segitiga dan berwarna merah
- c. Segi empat dan berwarna merah
- d. Bujur dan berwarna putih

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan.

Jawab SEMUA soalan. Jawab di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

- a. Kerajaan Mesir bermula dengan penyatuan **DUA (2)** bahagian Mesir. Berikan bahagian tersebut. (2 markah)
- b. Nyatakan **LIMA (5)** arca yang terkenal ketika kerajaan Mesir. (5 markah)
- c. Masyarakat Mesir terdiri daripada orang yang mempunyai kepercayaan yang kuat terhadap roh yang digelar 'ka'. Huraikan tentang kepercayaan tersebut (5 markah)
- d. Selain piramid, Sphinx juga merupakan salah satu binaan terkenal dalam tamadun Mesir. Huraikan secara ringkas mengenai Sphinx. (8 markah)

## SOALAN 2

- a. Berikan prinsip yang digunakan dalam senibina Cina. (2 markah)
- b. Setiap senibina Cina mempunyai perlambangan yang tersendiri. Huraikan **TIGA (3)** ciri-ciri yang terdapat dalam senibina ini. (6 markah)
- c. Huraikan jenis-jenis binaan dalam senibina China yang dinyatakan di bawah.
- i. Pagoda (4 markah)
  - ii. Pai lou (5 markah)
  - iii. Jambatan (3 markah)

## SOALAN 3

- a. Nyatakan **DUA (2)** kerajaan yang terhasil akibat daripada perpecahan Empayar Rome. (2 markah)
- b. Berikan falsafah yang digunapakai oleh orang Byzantin. (2 markah)
- c. Huraikan mengenai ciri-ciri mozek yang merupakan elemen penting dalam senibina Byzantin. (6 markah)
- d. Hagia Sophia merupakan binaan yang disumbangkan oleh Maharaja Justinian. Huraikan tentang pembinaan tersebut. (10 markah)

**BAHAGIAN C**

Bahagian ini mengandungi **TIGA(3)** soalan. Jawab **DUA (2)** soalan sahaja.

Jawab di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

Lakarkan ruang dalaman yang terdapat dalam rumah Melayu tradisional menggunakan nama ruang yang diberikan di bawah.

- |                     |                 |
|---------------------|-----------------|
| i. Anjung           | iv. Selang      |
| ii. Serambi gantung | v. Rumah tengah |
| iii. Rumah ibu      | vi. Dapur       |

(10 markah)

**SOALAN 2**

Lakarkan **EMPAT (4)** bentuk asas bumbung dalam tamadun Cina.

(10 markah)

**SOALAN 3**

Lakarkan senibina Rom yang diberikan di bawah

- i. *Colosseum*
- ii. *Arch of Titus*

(10 markah)

- KERTAS SOALAN TAMAT -

